

NO. SOALAN : 407

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN**  
**[ TEMERLOH]**

**TARIKH JAWAPAN : -**  
**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN :**

**SOALAN**

Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [ Temerloh] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada tarif elektrik akan dinaikkan ekoran daripada 1MDB telah dianugerahkan konsesi sebagai Pengeluar Elektrik Bebas (IPP).

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Penetapan kadar tarif elektrik berkuatkuasa 1 Januari 2014 adalah ditentukan oleh Kerajaan melalui mekanisme yang telah ditetapkan di bawah sistem Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) iaitu *Imbalance-Cost Pass Through* (ICPT), dengan izin iaitu semakan kos bahan api dan penjanaan setiap 6 bulan. Oleh yang demikian, sebarang kenaikan atau penurunan tarif elektrik adalah tidak ditentukan oleh pemegang lesen atau penjana-penjana bebas (IPP) termasuk 1MDB.

2. Dalam menetapkan tarif asas pemegang lesen iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB), sebanyak 80% disumbangkan oleh kos bahan api dan penjanaan, manakala baki 20% adalah kos operasi, kos pembelian tenaga dan pulangan ke atas aset terkawal (*regulated asset*). Tarif asas hanya disemak sekali setiap 3 tahun berdasarkan garis panduan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga.

3. Sehubungan dengan itu, berdasarkan skop penentuan tarif asas elektrik tersebut, ingin dijelaskan bahawa semakan ke atas kadar tarif elektrik tiada hubung kait dengan penganugerahan kepada 1MDB sebagai konsesi sebagai Penjana Tenaga Bebas (IPP).

\*\*\*\*\*